

17/03/2004

Melaka laksana program celik IT untuk pesara, suri rumah

Idzham Hadi Sidik

HUBUNGAN erat Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri memberi impak yang amat besar kepada rakyat Melaka yang berpeluang mempelajari teknologi maklumat secara percuma.

Ini kerana Kerajaan Pusat melalui peruntukan peribadi bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad memperuntukkan RM442,800 bagi membiayai seramai 14,760 peserta membabitkan suri rumah dan pesara menyertai program e-Melaka, tahun lalu.

Melalui program itu, setiap peserta dibayar RM5 sejam dan maksimum enam jam (RM30) bagi membolehkan mereka menguasai ilmu atau sekurang-kurang mempelajari asas penggunaan komputer.

Bagaimanapun, bayaran itu tidak dibayar kepada peserta sebaliknya kepada siber kafe yang dilantik atau pusat latihan bertauliah yang melatih peserta terbabit.

Dengan sasaran melatih 5,000 golongan berkenaan pada tahun lalu, kerajaan negeri berjaya mengatasi sasaran itu apabila seramai 14,760 warga pencen dan suri rumah menamatkan pengajian mereka bagi mendalami ilmu Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Di daerah Melaka Tengah saja seramai 9,656 warga pencen dan suri rumah dilatih, di Alor Gajah sejumlah 3,281 orang manakala di daerah Jasin pula latihan diberikan kepada seramai 1,823.

Program itu juga tidak menjurus kepada satu kaum saja malah semua masyarakat di negeri ini berpeluang mengikutinya dan sepanjang tahun lalu seramai 5,246 suri rumah dan 3,109 warga pencen Melayu mengikutinya.

Kaum Cina yang mengikuti program itu membabitkan seramai 2,800 suri rumah dan 1,414 warga pencen manakala kaum India pula seramai 621 suri rumah dan 570 pesara sudah menamatkan kursus masing-masing.

Program e-Melaka 2004: Program Latihan ICT bagi Suri Rumah dan Warga Pencen dilancarkan pada 18 Februari lalu.

Pengarah Bahagian K-Ekonomi di Jabatan Ketua Menteri (JKM), Prof Ishak Ismail, berkata kerajaan negeri melalui cetusan idea Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam akan meneruskan program ini dalam usaha merealisasikan matlamat celik IT oleh rakyat.

Beliau berkata, program tahun ini pula di bahagikan kepada dua bahagian iaitu peringkat asas dan peringkat lanjutan. Seramai 20,000 peserta disasarkan bagi kursus asas manakala 10,000 untuk fasa lanjutan.

Bagi latihan peringkat asas, modul yang disediakan dibahagi kepada tiga bahagian iaitu Pengenalan Asas Komputer, Mencipta Dokumen dan Internet, tujuan utama modul itu disediakan untuk menarik minat suri rumah dan pesara memiliki dan menggunakan komputer serta menjadikan alat itu satu keperluan.

Katanya, latihan peringkat lanjutan pula mensasarkan penjana pendapatan menerusi penggunaan teknologi ICT bagi meningkatkan taraf hidup suri rumah dan pesara terutamanya di luar bandar dan ia terbuka kepada peserta yang telah sedia mengikuti latihan peringkat asas yang lalu.

Bagi melaksanakan hasrat kerajaan negeri, sebanyak 39 siber kafe dan pusat latihan dilantik sebagai ejen bagi melatih golongan sasaran ini yang membabitkan daerah Melaka Tengah sebanyak 29 siber kafe dan pusat latihan bertauliah, Alor Gajah enam manakala daerah Jasin empat.

Prof Ishak berkata, Bahagian K-Ekonomi dalam proses perbincangan dengan Universiti Kuala Lumpur (UniKL-MICET) untuk melaksanakan program ini di kampus cawangannya di Alor Gajah dan kerjasama itu di jangka dapat

membantu Bahagian K-Ekonomi mencapai sasaran yang di tetapkan.

Bagi menghargai penyertaan rakyat negeri Melaka terhadap program terbabit , Bahagian K-Ekonomi turut menyediakan kuiz mingguan melalui Radio Malaysia Melaka dan cabutan bertuah hadiah bulanan.

Bagi setiap penyertaan program, peserta akan diberikan satu nombor siri untuk disimpan dan ia akan digunakan untuk tujuan cabutan bertuah secara bulanan. Manakala untuk pertandingan dan kuiz mingguan pula , ia akan diwar-warkan kepada pendengar Radio Melaka Malaysia dan juga melalui laman web www.emelaka.gov.my bagi sebarang maklumat.

Dari aspek promosi, Bahagian K-Ekonomi masih menggunakan pendekatan mesra rakyat yang mana pegawai akan ditugaskan untuk mempromosikan program ini pada peringkat JKKK dan JAPERUN.

Peserta paling tua, Hassan Sohot, 81, berkata program yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri itu sangat baik dan beliau tidak mahu melepaskan peluang menyertainya, walaupun usianya sudah lanjut.

Katanya, dengan mempelajari ilmu ICT, beliau dapat memantau kegiatan yang dilakukan oleh anak dan cucunya supaya mereka tidak melayari internet negatif yang boleh merosakkan mereka.

"Walaupun program e-Melaka ini baru bagi saya tetapi saya menjalani latihan dengan tekun untuk mengetahui apakah sebenarnya ICT yang dicanangkan oleh kerajaan.

"Golongan suri rumah dan pesara perlu mengambil peluang keemasan ini bagi meningkatkan pengetahuan dalam bidang ICT. Jika diberi peluang untuk menyertai program ini semula, pasti saya akan berbuat demikian," katanya.

Suri rumah, Ng Giok Tin, 37, berkata beliau seronok mempelajari ilmu ICT yang disediakan oleh kerajaan dan peluang itu sepatutnya diperluaskan lagi pada masa depan.

Katanya, walaupun bergelar suri rumah, ilmu ICT sangat penting kerana dengan adanya kemudahan itu pelbagai perkara yang hendak dilakukan akan menjadi mudah dan cepat.

"Sebelum ini saya ragu-ragu untuk mempelajari ICT tetapi apabila sudah memasuki kelas saya rasa seronok dan rasanya mahu menyertai lagi program seperti ini apabila diberi peluang," katanya.

Seorang lagi suri rumah, Khatijah Jamin, 47, berkata usaha kerajaan negeri menyediakan pembelajaran untuk suri rumah dan pesara sangat baik dan tidak mahu melepaskan peluang itu.

Katanya, program itu dapat memberi ilmu kepada suri rumah supaya tidak buta ICT dan dapat memantau kegiatan anak-anak yang sering melayari internet di rumah.

"Mereka tidak boleh membohongi ibu bapa kerana, saya mempunyai ilmu ICT dan mengetahui buruk baiknya penggunaan komputer," katanya.

Pengusaha siber kafe, Cempaka Technology, Ong Bee Bee, berkata kejayaan melatih warga pencen dan suri rumah adalah hasil usaha dan promosi yang giat dijalankan sejak program itu bermula sehinggalah ia dihentikan sementara, baru-baru ini.

Katanya, kemudahan yang disediakan oleh kerajaan negeri itu sangat baik dan pengusaha siber kafe sendiri dapat menambah pendapatan apabila melatih golongan berkenaan.

"Pihak kami sentiasa berusaha untuk memastikan kualiti pengajaran dan kaedah pembelajaran dapat di tingkatkan dari semasa ke semasa." katanya.